

ورتا فنرشن Warta Penerangan



FEBRUARI 2016





**Terbitan Bahagian Pengurusan
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Salawati Binti Sabli

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
pegawai dan kakitangan
Jabatan Penerangan



WARTA Penerangan merupakan sebuah surat majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Bahagian Pengurusan, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baru Jabatan Penerangan.

Isi Kandungan

Poster Terbitan Jabatan Penerangan, Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke - 32	5
Semangat patriotik realisasikan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-32	6
Poster Terbitan Jabatan Penerangan, Poster Menaikkan Bendera Hari Kebangsaan 2016	7
Jabatan Penerangan semarakkan pengibaran bendera	8
Bendera simbol kedaulatan negara	9
Budayakan Kibar Bendera Negara	9
Kibarkan Bendera Negara	10
Tanai Tanggungjawab kibar bendera negara	11
200 orang hadiri program semarak pengibaran bendera	12
Mukim Seria juara pertandingan koir	13
Kumpulan Cahaya Mukim Ukong menjuarai Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik	14
Pemantauan pengibaran bendera terus dipergiatkan	15
Rakyat perlu memahami peranan dan fungsi bendera	16
Jabatan Penerangan pantau pengibaran bendera	16
Pemantauan pengibaran bendera dijalankan	17
Hormati lagu kebangsaan dan bendera negara	18
Jaga dengan rapi serta hormati bendera negara	19
Meningkatkan kesedaran kalangan penuntut mengenai ASEAN	20
Patuh etika semasa membuat liputan	21
Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai kursus / bengkel / program pada bulan Februari 2016	22 - 23

Muka

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Poster Terbitan Jabatan Penerangan, Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke - 32

سُبْبُوتَنْ أَوْلُعْ تَاهُونْ هَارِيْ كَعْسَاعُنْ
نَكَارَا بَرُونِيْ دَارَالسَّلَامْ

SAMPUTAN ULANG TAHUN
HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-32

TEMA:
“GENERASI BERWAWASAN”

“Untuk berjaya, generasi penerus perlulah berwawasan dengan melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran-cabaran mendatang.”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-31, Tahun 2015

14 Jamadilawal 1437 / 23 Februari 2016

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

[infodept.bn](#) [infodept_bn](#)

Semangat patriotik realisasikan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-32

Oleh : Aimi Sani
Foto : Jurugambar Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 23 Februari. - Upacara Perhimpunan Agung Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 Tahun disambut penuh gilang-gemilang dengan semangat patriotik oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk pada upacara yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyertai rakyat dan penduduk di negara ini ke Upacara Perhimpunan dan Perbarisan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32.

Terdahulu keberangkatan tiba Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Juga menjunjung keberangkatan baginda serta kerabat diraja yang lain ialah Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan yang lain.

Upacara Perhimpunan Agung sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 bermula dengan Upacara Perbarisan. Lalu di hadapan Pentas Diraja oleh lebih 21 ribu peserta.



Tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 ialah ‘Generasi Berwawasan’ yang merupakan satu komponen yang cukup signifikan bagi merealisasikan hasrat negara secara menyeluruh di mana semangat jitu warga dalam menyatakan cinta, kasih dan taat setia kepada negara dan kepimpinan Kebawah DYMM yang sekian lamanya berjaya memperkenalkan negara kepada dunia.

Gabungan ‘Generasi Berwawasan’ juga didefinisikan sebagai golongan muda belia masa kini yang akan menerajui negara pada masa akan datang sebagai pemimpin berwibawa lagi cemerlang. Dalam Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan tersebut, Pemangku Pengarah Jabatan Penerangan dan juga sebahagian pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan juga ikut serta dalam perbarisan lalu. Semangat patriotik yang ditunjukkan akan sentiasa tersemat dalam ingatan para peserta untuk negara yang tercinta.

Poster Terbitan Jabatan Penerangan, Poster Menaikkan Bendera Hari Kebangsaan 2016



سمبوتن اولع تاھون هاري كغساعن
نكارا بروني دارالسلام

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-32

**KIBARKANLAH BENDERA KEBANGSAAN
DAN BENDERA PERIBADI**

28 Rabiulakhir hingga 18 Jamadilawal 1437
ber-samaan
7 Februari hingga 27 Februari 2016



Diterbitkan Oleh:
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Jabatan Penerangan semarakkan pengibaran bendera

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Februari. - Bendera merupakan lambang kedaulatan serta identiti sesebuah negara dan ia juga berkait rapat dengan semangat patriotik dalam mempertahankan maruah bangsa, agama serta negara.

Sejarah membuktikan bahawa bendera turut memainkan peranan penting dalam menjunjung kedaulatan negara. Sehubungan itu, Jabatan Penerangan menganjurkan Program Semarak Pengibaran Bendera sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 bertempat di Ruang Atrium, Airport Mall, Berakas, pagi ini, di sini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar hadir selaku tetamu kehormat melancarkan program tersebut.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk meningkatkan rasa hormat dan sayang rakyat serta penduduk negara ini terhadap bendera negara yang merupakan simbol keagungan dan kedaulatan raja, bangsa serta negara.

Jabatan Penerangan akan meneruskan Program Semarak Pengibaran Bendera sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan pendekatan yang berbeza dari pelaksanaan di tahun-tahun sebelumnya.

Majlis yang sama juga turut diadakan serentak di daerah-daerah lain, iaitu bertempat di Dewan Persidangan, Kuala Belait; Ruang Legar Kompleks Bangunan Bumiputera, Pekan Bangar, Daerah Temburong dan Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong.



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar (empat, kiri).



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan semasa merasmikan Program Semarak Pengibaran Bendera sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32.



LAGU Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik 'Bendera Negara' yang dinyanyikan beramai-ramai oleh Kumpulan-kumpulan Koir Putera Puteri Darussalam dan Permata Permai, Mukim Lumapas.



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar menyempurnakan penyerahan bendera kepada penghulu.

Bendera simbol kedaulatan negara

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar ketika menyampaikan ucapan pada Program Semarak Pengibaran Bendera Negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Februari. - Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar berkata, bendera kebangsaan merupakan simbol kedaulatan sesebuah negara.

Berucap selaku tetamu kehormat pada Program Semarak Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 bagi Daerah Brunei dan Muara di Ruang Atrium Airport Mall, Berakas.

Tambahnya, bendera negara dikibarkan sekali gus menyemarak suasana sambutan, menzahirkan semangat perpaduan dan menyerlahkan simbol patriotisme dan nasionalisme bangsa.

Sebahagian besar terangnya, akan menyahut seruan itu dan mengibarkan bendera di tempat-tempat kediaman, begitu juga di bangunan-bangunan kerajaan dan swasta di mana bendera negara berkibar megah.

Situasi tersebut, amat membanggakan dan amat dihargaikan itulah yang dinamakan rakyat serta penduduk yang menghargai dapat bernaug di bumi Darussalam.

Generasi yang ada pada masa ini katanya, adalah penyambung warisan negara dan kepada mereka lah disandarkan amanat untuk memastikan negara akan terus kukuh serta bendera negara akan terus berkibar selamanya.

“Dalam kesempatan ini, suka cita kita saling ingat-mengingati, agar bendera akan disimpan di tempat-tempat yang sesuai. Bendera dikibar mestilah dalam keadaan baik dan bukannya koyak, lusuh atau pudar warnanya. Marilah kita mengelakkan keadaan di mana terdapatnya bendera yang sudah koyak atau kurang bersesuaian berkibar di tiang bendera begitu saja. Jika sekiranya bendera tersebut sudah tidak sesuai digunakan lagi, lupuskan bendera tersebut dengan cara yang betul.”

Budayakan Kibar Bendera Negara

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Februari. - Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berkata, Program Semarak Pengibaran Bendera Negara adalah salah satu program berterusan Jabatan Penerangan sebagai menanai tanggungjawab berbangsa dan bernegara.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa berucap.

Berucap selaku pengurus program tersebut di Ruang Atrium Airport Mall, Berakas, di sini, beliau seterusnya mengatakan program berkenaan masih mengekalkan penglibatan masyarakat mukim dan kampung dirasmikan secara serentak di keempat-empat daerah.

Program tersebut menurutnya, dihasrat dapat memberikan impak positif dalam mencetuskan kesedaran akan kepentingan menaik-kibarkan bendera negara, sebagai simbol patriotisme dan nasionalisme bangsa, menyuntik semangat kenegaraan yang tinggi dalam kalangan warga berlandaskan falsafah negara, Melayu Islam Beraja.

Selain itu, ke arah merealisasikan hasrat murni ujarnya lagi, sokongan padu dan kerjasama semua pihak yang berkepentingan terutama sekali di peringkat akar umbi adalah sangat diperlukan bagi membarigakan mesji mengenai tanggungjawab mengibarkan bendera pada hari-hari kebesaran negara, termasuklah tatacara yang betul mengibarkannya.



PERSEMBAHAN daripada johan Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik antara Mukim-mukim bagi Program Semarak Pengibaran Bendera Negara.

Kibarkan Bendera Negara

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Dk.Nur Hafilah Pg. Osman



SUASANA ketika menyanyikan lagu kebangsaan.



KUALA BELAIT,
Selasa, 9 Februari.
- Program Semarak Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 bagi Daerah Belait berlangsung pagi tadi di Dewan Persidangan.

Setiausaha Tetap (Hiliran dan Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dato Paduka Awang Haji



TETAMU kehormat, Dato Paduka Awang Haji Jamain bin Haji Julaihi, Setiausaha Tetap (Hiliran dan Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) semasa merasmikan Program Semarak Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 bagi Daerah Belait.

UCAPAN alu-aluan oleh Pengerusi Majlis, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini, Pegawai Penerangan Kanan.

Jamain bin Haji Julaihi hadir selaku tetamu kehormat.

Pada majlis itu, Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini selaku Pengerusi Program Semarak Pengibaran Bendera Negara bagi Daerah Belait dalam ucapan alu-aluannya antara lain menerangkan, program tersebut adalah salah satu program berterusan Jabatan Penerangan sebagai menanai tanggungjawab berbangsa dan bernegara.

Acara kemudian diteruskan dengan penyampaian bendera negara kepada Penghulu-penghulu dan Pemangku-pemangku Penghulu Mukim serta hadiah-hadiah kepada para pemenang Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik antara Mukim-Mukim Daerah Belait oleh tetamu kehormat.

Turut hadir Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, ketua-ketua jabatan, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pasukan beruniform, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Majlis Wanita Brunei Darussalam dan Majlis Belia Brunei.



SETIAUSAHA Tetap (Hiliran dan Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Dato Paduka Awang Haji Jamain menyampaikan hadiah kepada Johan Pertandingan Lagu-Lagu Patriotik antara Mukim-Mukim bagi Daerah Belait, Mukim Seria.

Tanai Tanggungjawab kibar bendera negara

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad



PEGAWAI Penerangan Kanan, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim selaku Pengerusi Majlis semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.



SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi dan Kewangan) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat dalam Program Semarak Pengibaran Bendera Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 bagi Daerah Tutong.

TUTONG, Selasa, 9 Februari. - Jabatan Penerangan meneruskan Program Semarak Pengibaran Bendera Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Tutong ialah Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adanan bin Haji Adam dan Pengerusi Lembaga Bandaran Daerah Tutong, Awang Shahminan bin Haji Tengah.

Majlis dihadiri oleh kira-kira 300 jemputan terdiri daripada para pegawai kanan dan pegawai-pegawai dari Jabatan Perdana Menteri dan kerajaan di Daerah Tutong, Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung, ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Persatuan-Persatuan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pasukan Bomba dan Penyelamat dan Pasukan Penjara Maraburong.



SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi dan Kewangan) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Hamzah menyampaikan hadiah kepada juara Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Mukim-mukim iaitu Kumpulan Cahaya dari Mukim Ukong.



LAGU Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan Lagu Patriotik Bendera Negara' dinyanyikan oleh Kumpulan Koir, Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong.



SETIAUSAHA Tetap (Ekonomi dan Kewangan) Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Hamzah menyampaikan bendera kepada Penghulu-penghulu dan pemangku-pemangku Penghulu Mukim.

200 orang hadiri program Semarak Pengibaran Bendera

Oleh: Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof (empat, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Peringkat Daerah Temburong bertempat di Bangunan Bumiputera, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

BANGAR, Selasa, 9 Februari. - Program Semarak Pengibaran Bendera sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 telah diadakan, di Ruang Legar Kompleks Bangunan Bumiputra, Pekan Bangar, Temburong.

PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa memberi ucapan alu-aluan.

bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof.

Juga hadir Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah dan Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Md. Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud.

Lebih kurang 200 orang hadir pada acara tersebut yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan, Penghulu-penghulu, Ketua-ketua Kampung, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Majlis Belia Daerah Temburong, persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan, badan-badan Kebajikan, pengetua sekolah menengah, guru-guru besar sekolah rendah kerajaan dan swasta.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abdul Mutalib bin POKSS Dato Paduka Haji Mohd Yusof menyampaikan hadiah kepada penghulu-penghulu dan pemangku-pemangku penghulu mukim.

Program antara lain bertujuan untuk menanamkan dan mempertingkatkan kesedaran rakyat serta penduduk negara ini mengenai peranan dan tanggungjawab mereka menaikkan serta mengibarkan bendera negara semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.



TETAMU kehormat, Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet), Jabatan Perdana Menteri, Awang Abdul Mutalib menyampaikan hadiah kepada johan dan naib johan Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik antara Mukim-Mukim bagi Daerah Temburong (atas dan bawah).



Mukim Seria juara pertandingan koir

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Borneo Bulletin



MUKIM Seria menjuarai Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim Daerah Belait.

KUALA BELAIT, Khamis, 4 Februari. - Lagu bertajuk 'Tanah Airku' yang dipersembahkan oleh Mukim Seria menjuarai Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik antara Mukim-Mukim Daerah Belait bagi Program Semarak Pengibaran Bendera Negara sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 Tahun.

Naib johan dimenangi oleh Mukim Belait juga dengan lagu 'Tanah Airku', tempat ketiga disandang oleh Mukim Liang dengan tajuk lagu '1984' dan tempat keempat, Mukim Bukit Sawat dengan lagu 'Bendera Negara'.

Pertandingan tersebut diadakan di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan, disini. Hadir menyaksikan pertandingan ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Pertandingan buat julung kalinya dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, disertai oleh penduduk mukim dan kampung di daerah ini dengan menjadikan pertandingan sebagai platform atau landasan dalam mencungkil, menggilap bakat dalam kalangan penduduk mukim dan kampung yang berani tampil di khalayak ramai.

Disamping itu, pertandingan juga akan dijadikan platform bagi penyanyi berkumpulan untuk terus berkarya, di samping dapat mengisi ruang dan peluang dalam program-program yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.



MUKIM Belait naib juara dengan lagu 'Tanah Airku'.



MUKIM Liang tempat ketiga dengan tajuk lagu '1984'.

Kumpulan Cahaya Mukim Ukong menjuarai Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik

Oleh: Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto: DK. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Sabtu, 6 Februari. - Kemerduan nyanyian lagu patriotik bertajuk ‘Tekad Kemerdekaan’ dari Kumpulan Cahaya Mukim Ukong membantu kumpulan tersebut menjuarai Pertandingan Koir Lagu-lagu Patriotik Antara Mukim-mukim Bagi Program Semarak Pengibaran Bendera Negara Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-32, bagi Daerah Tutong.

Hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhd. Taha bin Abdul Rauf dan Yang Berhormat Awang Ramli bin Haji Lahit.

Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung, pegawai-pejawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan juga hadir dalam acara tersebut.

Acara diserikan lagi dengan nyanyian dan lawak jenaka dari penyanyi koir dan pelawak-pelawak tempatan jemputan sejurus selesai persembahan koir dari mukim-mukim.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar (tiga, kiri).



TEMPAT juara dimenangi oleh kumpulan Cahaya dari Mukim Ukong dengan tajuk lagu ‘Tekad Kemerdekaan’.



TEMPAT kedua dimenangi oleh Kumpulan Firqah Khairul Mukmin dari Mukim Kiudang dengan tajuk lagu ‘Misi Merdeka’.



TEMPAT ketiga dimenangi oleh Kumpulan Puteri Warisan dari Mukim Lamunin dengan tajuk lagu ‘Brunei Bumi Bertuah’.

Pemantauan pengibaran bendera terus dipergiatkan

Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Isnin, 22 Februari. - Susulan dari ‘Program Semarak Pengibaran Bendera Negara’ yang dilancarkan pada 9 Februari lalu, Jabatan Penerangan melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong meneruskan lagi pemantauan pengibaran bendera negara di kampung-kampung serta premis-premis perniagaan di kawasan Mukim Pekan Tutong.

Pemantauan itu diketuai oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar, diiringi oleh pegawai dan kakitangan dari Cawangan Penerangan Daerah Tutong.

Ia dimulakan dengan mengunjungi rumah Pemangku Penghulu Mukim Pekan Tutong, Awang Haji Jumat bin Haji Kadir bersama Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Pekan Tutong, yang menyambut baik kunjungan dari Jabatan Penerangan untuk bersua muka.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul bin Haji Abu Bakar memberi risalah mengenai tatacara pengibaran bendera (gambar atas dan bawah).



Pemangku Penghulu bersama Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Pekan Tutong turut menyokong usaha yang diungkayahkan oleh Jabatan Penerangan untuk turut sama memantau rumah-rumah di persekitaran kampung tersebut bagi menjayakan ‘Program Semarak Pengibaran Bendera Negara’.

Dalam pada masa yang sama Cawangan Penerangan Daerah Tutong juga mengedarkan risalah mengenai dengan tatacara pengibaran bendera serta poster Hari Kebangsaan kepada orang ramai.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Tutong menyerahkan risalah tatacara pengibaran bendera kepada Pemangku Penghulu Mukim Pekan Tutong, Awang Haji Jumat bin Haji Kadir.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul bin Haji Abu Bakar (kanan) bersama Pemangku Penghulu Mukim Pekan Tutong, Awang Haji Jumat bin Haji Kadir (kiri) sama-sama memantau persekitaran kampung.

Rakyat perlu memahami peranan dan fungsi bendera

Oleh: Aimi Sani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Azmah Haji Ahad



PENGHULU Mukim Ukong, Awang Haji Omar bin Abdul Aziz semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

TUTONG, Selasa, 9 Februari. - Bendera merupakan lambang kedaulatan dan identiti sesebuah negara yang berkait rapat dengan semangat patriotik dalam mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara.

Penghulu Mukim Ukong, Awang Haji Omar bin Abdul Aziz ketika ditemui berkata, melalui Program Semarak Pengibaran Bendera Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan ini, rakyat akan lebih memahami peranan dan fungsi bendera sebagai lambang kemegahan dan kedaulatan raja, bangsa dan negara.

Sementara itu, bagi Ketua Kumpulan Koir Kumpulan Cahaya Mukim Ukong, Awang Haji Md. Amirul bin Haji Md. Taib berharap Pertandingan Koir Lagu-Lagu Patriotik Antara Mukim-Mukim yang dianjurkan buat kali pertama anjuran Jabatan Penerangan itu akan dapat diteruskan ke tahun hadapan dan seterusnya.

Program Semarak Pengibaran Bendera Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam antara lain bertujuan untuk menggalakkan dan membudayakan amalan pengibaran bendera negara di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini semasa sambutan perayaan hari-hari kebesaran negara dengan mematuhi aturan-aturan yang sudah ditetapkan.



KETUA Kumpulan Koir Kumpulan Cahaya Mukim Ukong, Awang Haji Md. Amirul bin Haji Md. Taib.

Jabatan Penerangan pantau pengibaran bendera

Oleh: Marlinawaty Hussin

Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Februari. Bendera negara perlu dihormati dan dipelihara oleh setiap warga kerana ia melambangkan perpaduan serta kedaulatan sesebuah bangsa dan negara.

Sehubungan itu, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegeraan mengadakan Program Pemantauan Pengibaran Bendera yang betul serta mengedarkan risalah mengenai pengibaran bendera ke beberapa buah rumah dan premis perniagaan di negara ini bagi memastikan bendera negara dinaikkan serta dikibarkan dengan sempurna sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-32 Tahun.



KAKITANGAN Jabatan Penerangan menunjuk cara memasang bendera yang betul.

Antara tempat-tempat yang dipantau oleh Jabatan Penerangan pada pagi tadi termasuk Kampung Serasa, Kampung Meragang dan Kampung Burong Pingai, Berakas.



PEGAWAI Penerangan dan seorang kakitangan mengarahkan bendera yang rosak supaya diturunkan dan ditukar.

Pemantauan pengibaran bendera dijalankan



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama Penghulu Mukim Sengkurong, Awang Haji Musa bin Haji Tahir sebelum membuat pemantauan di Kampung Sengkurong.

Berita & Foto :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Februari. - Bendera negara perlu dihormati dan dipelihara oleh setiap warga kerana ia melambangkan perpaduan dan kedaulatan sesebuah bangsa dan negara.

Bendera negara juga memainkan peranan yang penting dalam sesebuah negara, yang perlu dinaikkan dan dikibarkan pada hari-hari tertentu sebagai tanda kesyukuran dan kegembiraan.

Justeru, Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Pemantauan Pengibaran Bendera yang betul serta mengedarkan risalah mengenai pengibaran bendera ke beberapa buah rumah dan premis perniagaan di negara ini bagi memastikan bendera negara dinaikkan serta dikibarkan dengan sempurna sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 Tahun.



PENOLONG Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail menyerahkan sebahagian risalah 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' kepada Penghulu Mukim Sengkurong, Awang Haji Musa bin Haji Tahir.



PENOLONG Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy (tengah) menerangkan kepada salah seorang pekerja premis perniagaan di sekitar Jalan Jerudong untuk mengalihkan bendera negara kepada tempat kedudukan yang betul.



SEMASA pemantauan dijalankan di sekitar Kampung Sengkurong.

Hormati lagu kebangsaan dan bendera negara

Oleh: Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PENOLONG Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail menyampaikan cenderamata kepada Ketua Pegawai Narkotik I, Timbalan Komandan, Pusat Al-Islah, Dayang Siti Norhadinah binti Haji Marsal.

TUTONG, Rabu, 17 Februari. - Unit Kenegaraan Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengadakan Program Taklimat Kenegaraan Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi residen-residen Pusat Al-Islah.

Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail pada taklimat yang berlangsung di Dewan Pusat Al-Islah, Biro Kawalan Narkotik (BKN).



PENOLONG Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail memberi taklimat.

Dalam taklimatnya, beliau menjelaskan bahawa bendera bukan sahaja sepotong kain, tetapi apabila diangkat tarafnya menjadi bendera negara ia akan menjadi sesuatu yang tinggi nilainya.

Taklimat tersebut merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme dalam kalangan warga residen berkenaan untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara ini.



PENOLONG Pegawai Penerangan, Awang Eddy Iswandy semasa menyampaikan taklimat bagi residen-residen Pusat Al-Islah.

Jaga dengan rapi serta hormati bendera negara

Oleh: Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BERGAMBAR ramai bersama penuntut Ma'had Islam Brunei.

TUTONG, Khamis, 11 Februari. - Bendera negara berperanan bagi mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat dan penduduk selain dapat mendukung falsafah Melayu Islam Beraja serta hendaklah dijaga dengan rapi serta dihormati kerana peranannya sangat besar di dalam sesebuah negara untuk menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, Raja dan negara.

Penolong Pegawai Penerangan, Awang Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar, juga selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong menekankan perkara itu ketika menyampaikan Taklimat Kenegaraan yang berlangsung di Dewan Besar Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong, hari ini.

Taklimat berkenaan adalah anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong.

Di samping Taklimat Kenegaraan, Cawangan Penerangan Daerah Tutong turut menganjurkan Kempen Mengibar Bendera, PENTARAMA, Rakan Remaja Penerangan dan Kursus Perkampungan Sivik.



KETUA Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Hasanul bin Haji Abu Bakar semasa menyampaikan taklimat mengenai bendera negara.



SALAH seorang penuntut Ma'had Islam Brunei menerima hadiah kuiz kenegaraan.



PENUNTUT Ma'had Islam Brunei juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan.

Meningkatkan kesedaran kalangan penuntut mengenai ASEAN

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad



PARA Pegawai dari Jabatan Penerangan berkesempatan bergambar ramai bersama guru-guru dan penuntut-penuntut Tahun 7 dan 8, Sekolah Menengah Menglait.

BANDAR SERIBEGAWAN, Sabtu, 13 Februari.—Jerayawara Kenali ASEAN dihasrat untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan belia yang berperanan penting dalam memangkin hala tuju dalam mewarnai corak peradaban bangsa bagi membentuk generasi pelapis.

Selain itu, jerayawara juga bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui mengenai ASEAN dengan menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN selaras dengan moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Program ini adalah salah satu usaha Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, dalam masa yang sama juga dalam mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut di Negara Brunei Darussalam.



HADIR selaku tetamu kehormat ialah Pengetua Sekolah Menengah Menglait, Awang Mohidin bin Haji Noordin (kanan).



SEBAHAGIAN dari penuntut Sekolah Menengah Menglait.



TAKLIMAT mengenai 'Kenali ASEAN' disampaikan oleh Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, Penolong Pegawai Penerangan.

Patuhi etika semasa membuat liputan

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi



HADIR menyampaikan taklimat (dari kiri), Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizi bin Haji Ramli; Pegawai Adat Istiadat Negara, Awangku Mohd. Noor Hamaddi bin Pengiran Ahmad; Ketua Unit Perhubungan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), DSP Haji Mohd. Noor bin Haji Abdul Rahman dan Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Jeffree bin Haji Mohd. Kassim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Februari. Pengamal media tempatan diingatkan agar tidak memakai pakaian kurang sopan, selain mematuhi peraturan-peraturan serta etika semasa membuat liputan terutama di hadapan pentas diraja dan orang-orang kenamaan.

Pegawai Adat Istiadat Negara, Awangku Mohd. Noor Hamaddi bin Pengiran Ahmad mengingatkan perkara itu pada Taklimat Media khusus bagi seramai 162 wartawan dan jurufoto yang akan membuat liputan Upacara Kemuncak Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 Tahun.

Taklimat anjuran Jabatan Penerangan turut disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Ali Termizi bin Haji Ramli/Haji Ramli; Ketua Unit Perhubungan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), DSP Haji Mohd. Noor bin Haji Abdul Rahman; dan Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Jeffree bin Haji Mohd. Kassim.

Taklimat tersebut adalah untuk menerangkan kepada pihak media di antara tugas-tugas yang akan dilakukan semasa Hari Kebangsaan nanti.

Zon-zon larangan perlu diikuti oleh pihak media kerana pas-pas media telah dikeluarkan dan semua media tidak dibenarkan berada di trek dan padang mahupun berada di depan pentas diraja semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja duduk.

Semua pihak media diharap agar menjaga tingkah laku dan disiplin semasa membuat liputan itu nanti sekali gus memberikan liputan yang terbaik bagi Negara Brunei Darussalam hingga terkenal di seluruh dunia sempena Hari Kebangsaan Ke-32 Tahun itu.



ANTARA yang hadir mendengarkan Taklimat Media anjuran Jabatan Penerangan.



WAKIL-WAKIL media tempatan serta para pengamal media yang lain mengambil pas masing-masing bagi kemudahan bertugas membuat liputan.

Senarai pegawai dan kakitangan yang menyertai taklimat / kursus / bengkel pada bulan ini:

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
1. Dayang Siti Norasilah @ Anisah Binti Awang Haji Asli	Kursus Fiqh As Shalah	1 - 4 Februari 2016
2. Pengiran Emran Bin Pengiran Haji Salleh	Kursus Membuat Keputusan Menggunakan hamparan Elektronik (MS EXCEL)	1 - 4 Februari 2016
3. Awang Mohd Adi Zamhari Bin Haji Awang Yahya	kursus Jenayat	15 - 18 Februari 2016
4. Awang Azman Bin Haji Abd Rahman 5. Dayang Hajah Rabi'atul'adawiyah Binti Haji A.Ahmad 6. Awang Musa Bin Mohidin 7. Dayang Hajah Hamsah Binti Datu Kerna Haji Jaya 8. Dayang Hajah Rosidah Binti Haji Ismail 9. Dayang Noriah Binti Haji Hamid 10. Awang Wahid Bin Haji Halim 11. Awang Haji Salleh Bin Haji Yusof 12. Awang Arzi Bin Haji Durhman 13. Awang Ishak Bin Haji Othman 14. Pengiran Emran Bin Pengiran Haji Salleh 15. Awang Abdul Karim Bin Hamdan 16. Pengiran Haji Zahari Bin Pengiran Adi 17. Pengiran Ikram Bin Pengiran Haji Ahmad 18. Dayang Hajah Noorhijrah Binti Haji Idris 19. Awang Hasanul Hidayat Bin Haji Abu Bakar 20. Awang Haji Ariffin Bin Mohd Noor/Morschidi 21. Awang Haji Roslan Bin Haji Mohd Daud 22. Dayang Hajah Zainit Binti Haji Noorkhan 23. Dayang Hajah Apsah Binti Haji Sahdan/Shadan 24. Awang Isa Bin Haji Abdul Rahman 25. Awang Mohammed Azmi Bin Awang Damit	Bengkel Penggunaan Emel Kerajaan Secara Optima	13 Februari 2016
26. Dayang Hajah Noorashidah Binti Haji Aliomar 27. Awang Haji Dayang Bin Haji Kasim 28. Dayang Ruhil Amal Faridah Binti Awang Yahya 29. Awang Mohammad Hisyam Bin Idris 30. Awang Adi Zamhari Bin Haji Awang Yahya 31. Awang Haji Rahime @Maznibi Bin A.Haji Anuar 32. Awang Rafa'ee Bin Ya'akub 33. Dayang Hajah Painah Binti Paiman 34. Awang Masri Bin Osman 35. Dayang Ruziah Binti Haji Zakeria 36. Awang Aliahmad Bin Awang Achee 37. Dayangku Nur Azhani @Dk Mas Ayu Binti Pg Dr Hidop 38. Awang Eddy Iswandy Bin Haji Ismail 39. Dayang Hajah Norliha Binti Haji Salleh 40. Awang Muhammad Al Khaliq Bin Ali 41. Awang Haji Mirazman Bin Haji Othman	Bengkel Penggunaan Emel Kerajaan Secara Optima	20 Februari 2016

Nama	Kursus / Bengkel / Ceramah	Tarikh
42. Dayang Hajah Norpisah Binti Mohamed Salleh 43. Dayang Ramlah Binti Md Nor 44. Dayang Fa'ezah Hayati Binti Hj Abd Rahman 45. Awang Haji Kamaran Bin Haji Bungsu 46. Awang Ah Chua Bin Bangau 47. Dayang Hajah Marhani Binti Haji Abdul Rahman 48. Awang Mohammad Asbillah Bin Haji Pudin 49. Awang Abu Bakar Bin Haji Duraman 50. Awang Haji Ramlee Bin Haji Moktar 51. Awang Hairun Nadin Bin Ismail 52. Dayang Hajah Mariam Binti Haji Abdul Rahman 53. Awang Abu Bakar Bin Haji Mohd Said 54. Awang Haji Narip Bin Haji Bostan 55. Awang Haji Salleh Bin Haji Ibrahim 56. Dayang Normah Binti Haji Tumar 57. Dayang Norhayani Binti Haji Abdul Latif 58. Dayang Ezawati Hanim Binti Abdullah @ Dk Nasibah Hanim Binti Pg Hj Bakar 59. Dayang Hajah Zabaidah Binti Haji Salat 60. Awang Mohammad Rainie Bin Haji Durani 61. Dayangku Hajah Fatimah Binti Pengiran Haji Matnor 62. Dayang Nor Hanizah Binti Abdul Halim 63. Awang Abdul Hadi Bin Haji Suhaili 64. Dayang Siti Muslihat Binti Haji Salleh 65. Dayang Hezlinawati Binti Haji Abdul Karim 66. Dayang Norliah Binti Haji Md Zain	Bengkel Penggunaan Emel Kerajaan Secara Optima	27 Februari 2016
67. Awang Abu Bakar Bin Haji Abd Rahman 68. Awang Muhammad Hidayatullah Bin Zahari	Nadwah Shafi'iyyah	27 Februari 2016



Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Fax : 2382242